



Sunway REIT

SUNWAY REIT (SUNREIT) adalah saham amanah pelaburan hartanah terbesar di Malaysia dengan aset bernilai RM4.4 bilion setakat September 2011.


Portfolio hartanahnya merangkumi segmen peruncitan, perhotelan dan bangunan pejabat di Lembah Klang, Ipoh dan Pulau Pinang.

SUNREIT mencatatkan keuntungan bersih RM44.2 juta bagi suku pertama tahun kewangan 2012 (TK2012), meningkat 8 peratus suku-ke-suku.

Justeru, ia mengumumkan dividen kasar 1.75 sen bagi setiap unit untuk suku pertama TK2012 mencerminkan kenaikan 16 peratus tahun-ke-tahun dan 100 peratus pulangan kepada para pelaburnya.

Secara amnya, segmen peruncitan menyumbang 72 peratus daripada keseluruhan pendapatannya, manakala perhotelan dan ruang pejabat masing-masing menyumbang 20 dan 11 peratus.

Ia menyaksikan peningkatan dalam semua segmen hartanahnya kecuali Sunway Carnival yang mengalami 3.8 peratus penyusutan dalam kadar sewa dan 4.5 peratus kejatuhan tahun-ke-



tahun dalam kadar ruang diduduki ekoran Giant dan Ampsquare-Karaoke yang mengecilkan ruang premis masing-masing.

Bagaimanapun, kadar ruang diduduki dijangka meningkat kembali kepada 89.9 peratus dalam suku kedua TK2012 apabila ia berjaya menarik penyewa baru iaitu Toys R Us.

Untuk tempoh terdekat, kompleks beli-belah Sunway Pyramid dijangka terus kekal sebagai penyumbang utama pendapatannya mewakili 55

peratus daripada pendapatan hartanah bersih.

Bagi tahun mendatang, sumbangan pendapatan dijangka turut dijana Sunway Putra Place yang baru saja diambil-alih dan dijadualkan menjalani kerja pengubahsuaian besar-besaran dalam 2013.

Maybank IB Research dalam nota penyelidikannya 2 November 2011 mengekalkan saranan 'beli' ke atas saham SUNREIT dan turut mengekalkan harga sasaran pada RM1.18 sesaham.